

23/06/1998

Harapan masyarakat desa kepada Umno

WALAUPUN Umno yang menamatkan perhimpunan agungnya kelmarin berjaya mengupas pelbagai persoalan besar, namun sesuatu yang kita anggap istimewa ialah persidangan itu juga membincangkan pelbagai masalah masyarakat luar bandar. Kita melihat daripada inti ucapan sama ada ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden Umno atau usul ekonomi, perwakilan turut menegaskan nasib rakyat di kampung yang masih serba kekurangan. Ketika menggulung perbahasan, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menyentuh soal pertanian yang ditunjukkan kepada masyarakat luar bandar. Baginya, corak industri pertanian perlu diubah. Dengan menggunakan tenaga pekerja yang sedikit, pendapatan petani boleh meningkat dengan banyaknya, manakala mereka yang selama ini bekerja dalam bidang pertanian boleh beralih ke sektor industri. Dengan cara itu, wujud keseimbangan antara isu masyarakat luar bandar dan kesan globalisasi sebagaimana dibangkitkan dalam persidangan tiga hari itu.

Bagi masyarakat luar bandar, yang selama ini menjadi pendukung kuat kepada Umno, mereka mungkin tidak begitu berminat mengenai isu politik dan ekonomi yang kurang mereka fahami. Apa yang mereka mahu, keceramukan di peringkat Pusat tidak seharusnya menjejaskan kehidupan seharian mereka. Pada mereka, walaupun sedar banyak wang perlu digunakan untuk menangani kegawatan ekonomi, sekurang-kurangnya usaha itu dapat memberi kesan positif kepada kehidupan mereka. Jika wang yang begitu banyak boleh digunakan untuk pelbagai tujuan lain, setidak-tidaknya ia juga dapat disalurkan untuk membantu mereka meningkatkan taraf hidup. Bagi mereka, apa yang penting ialah harga barang keperluan tidak dinaikkan. Harga barang-barang perlu, mestilah dalam kemampuan mereka untuk membelinya.

Bagi golongan miskin, kenaikan harga barang adalah satu azab dan penyeksaan. Kita tentunya tidak mahu lagi mendengar ada masyarakat luar bandar kais pagi makan pagi atau ada antara anak mereka yang tidak dapat bersekolah disebabkan kesempitan wang. Walaupun menerusi perjuangan Umno selama ini kita tidak lagi mendengar kesengsaraan rakyat luar bandar yang begitu daif, kita tidak dapat nafikan juga pembelaan terhadap mereka mestilah menjadi agenda berterusan. Jika ini gagal dilakukan, perjuangan Umno tidak ada ertinya. Jika kerajaan boleh memberi projek, saham dan permit kepada masyarakat bandar yang mampu, tentunya kerajaan tidak keberatan membela nasib mereka yang hidup susah.

Kita bersetuju dengan beberapa perwakilan yang membangkitkan soal harga makanan yang perlu diberi perhatian serius. Bagi golongan ini, kerajaan boleh menaikkan harga pelbagai kemudahan di bandar seperti tambang kenderaan dan sebagainya kerana ia tidak membabitkan kehidupan mereka. Tetapi, apabila harga makanan dinaikkan, mereka terpaksa mengikat perut. Pendapatan mereka tidak bertambah, tetapi kuasa membeli, kian mengecut. Oleh itu, kita berpendapat Umno perlu mengambil kira masalah mereka. Jika kenaikan harga berpunca daripada tindakan orang tengah, jalan untuk mengatasinya perlulah dicari segera. Kita bimbang jika kebajikan masyarakat luar bandar diabaikan, mereka akan mengambil sikap yang sukar kita ramalkan. Kita bersyukur kerana setakat ini Umno tidak mensia-siakan amanah rakyat sebegini.

Pada kita, untuk menguruskan masyarakat luar bandar tidaklah sesukar menyelesaikan masalah di bandar yang penduduknya begitu serba canggih. Asalkan ada rumah manakala kerajaan menyediakan mereka bekalan air, elektrik dan jalan raya yang sesuai, sudah cukup untuk mereka hidup dengan

aman. Lebih baik lagi, jika tidak jauh daripada tempat mereka disediakan sekolah dan hospital atau klinik. Tetapi, jika kemudahan ini diabaikan, mereka akan mempersoalkan tindakan kerajaan membina projek mega yang faedahnya tidak mereka nikmati secara langsung. Kita akui projek mega mempunyai matlamatnya tersendiri, tetapi sementara kita mahu meningkatkan imej negara di mata dunia, kita tidak seharusnya membiarkan penduduk luar bandar terus menderita. Adalah wajar jika kerajaan dapat menseimbangi penyediaan kemudahan di luar bandar dengan projek mewah di bandar besar.

Kita percaya hasil perdebatan yang agak panas apabila isu masyarakat luar bandar dibangkitkan, kementerian yang berkaitan dengannya perlu mengambil langkah sewajarnya. Peruntukan tertentu sepatutnya dicari segera, walaupun dalam kegawatan ekonomi sekarang, untuk menyelesaikan rungutan masyarakat luar bandar.

(END)